

20 MAR 2002

Rencana-Tioman

TIOMAN: DARI NAGA TASIK CHINI KE PULAU BEBAS CUKAI

Oleh: Hisham Abdul Hamid

PULAU TIOMAN: Menurut cerita dongeng penduduk tempatan, Pulau Tioman, salah sebuah daripada 10 pulau yang dikatakan tercantik di dunia, berasal dari seekor naga betina yang turun ke laut dari Tasik Chini, Pahang.

Nama Tioman pula kononnya berasal dari seekor burung tiong yang dipelihara seorang lelaki yang tinggal di pulau itu suatu masa dahulu.

"Pada satu ketika, seorang pengembara bertanyakan nama burung yang dipeliharanya dan lelaki itu menjawab Tiong Man atau membawa makna `Tiong saya', kerana orang di sini membahaskan `saya' sebagai `Man'," kata Jumaat Ahmad, 76, seorang anak kelahiran pulau ini.

Walaupun cerita-cerita itu sekadar dongengan, Pulau Tioman sejak sekian lama menjadi persinggahan penting di Laut China Selatan bagi para pedagang tempatan dan asing termasuk dari China dan Thailand.

Mengekali tradisi itu, Pulau Tioman kini terus mencipta nama sebagai salah sebuah destinasi pelancongan paling menarik di rantau ini sehingga berjaya menarik kira-kira 200,000 pengunjung sepanjang tahun 2000.

Angka itu pasti akan bertambah berlipat kali ganda apabila Pulau Tioman yang terletak di luar pantai Pahang berhampiran sempadan perairan Johor diwartakan sebagai pulau bebas cukai kelak.

Cadangan mengenai perkara itu telah diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedikit masa lalu. Jika terlaksana kelak, ia akan menjadi pulau bebas cukai ketiga di negara ini selepas Labuan dan Langkawi.

#### SAINGAN KEPADA BATAM DAN BINTAN

Sesetengah penduduk Tioman yakin langkah kerajaan itu bukan sahaja akan membolehkannya bersaing dengan pusat-pusat pelancongan seperti Pulau Batam dan Bintan di Indonesia yang kini menjadi tumpuan pelancong dari Singapura, tetapi juga akan menjana lebih banyak peluang ekonomi kepada penduduknya.

Menurut mereka, jika selama ini tarikan pelancong terhadap Tioman adalah kepada keindahan pantai, air laut dan aneka flora dan fauna yang menghuninya, penganugerahan status bebas cukai akan turut mengubah wajahnya menjadi sebuah syurga membeli-belah.

Seorang nelayan sambilan, Ismail Awang Ngah, 60, yakin langkah berkenaan akan membuka peluang kepada penduduk, termasuk kaum nelayan mengusahakan perkhidmatan bot memancing atau pesiaran untuk pelancong atau pengangkutan darat seperti bas pesiaran.

Bagaimanapun, Ismail berharap, kemudahan asas seperti jalan raya hendaklah terlebih dahulu disediakan oleh kerajaan bagi keselesaan penduduk serta menampung keperluan pelancong.

Pada masa ini Pulau Tioman hanya mempunyai sebatang jalan sepanjang kurang daripada 2.5 kilometer yang menghubungkan Hotel Berjaya ke Tekek dan Taman Laut. Separuh daripada jalan itu diperbuat daripada simen dan hanya boleh dilalui oleh sebuah kenderaan pada satu-satu masa.

"Rangkaian jalan raya yang menghubungkan semua kawasan utama di pulau ini serta kemudahan-kemudahan asas yang lain perlu disediakan bagi menampung lebih ramai pelancong," katanya.

#### MASIH GUNA JALAN LAUT

Pada masa ini penduduk yang berada di Tekek hanya boleh pergi ke Salang, Mukut, Juara dan beberapa kawasan lain melalui jalan laut atau denai hutan.

Ismail dan kebanyakan penduduk mengakui kerja-kerja pembinaan jalan raya itu agak sulit kerana kira-kira 80 peratus daripada pulau seluas 13,360 hektar itu adalah tanah tinggi atau cerun bukit.

Keluasan tanah rata yang terhad itu juga menyulitkan kerja-kerja pembinaan kemudahan lain seperti pusat perniagaan, lebih-lebih lagi sebahagian besar daripada tanah rata itu yang dimiliki penduduk tempatan telahpun dibangunkan dengan hotel atau chalet.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Negeri Pahang, Maznah Mazlan berkata, semua pembangunan yang akan dijalankan di Pulau itu akan berpandu kepada pelan struktur yang telah disediakan Lembaga Pembangunan Tioman (TDA).

"Pelan yang telah disediakan pada tahun 1996 itu telah mengklasifikasikan pulau itu kepada tiga bahagian iaitu kawasan pembangunan, kawasan pembangunan terhad dan kawasan yang akan dikekalkan mengikut bentuk asalnya.

Maznah berkata, luas kawasan pembangunan itu hanya 1,202 hektar, kawasan pembangunan terhad 1,470 hektar dan kawasan selebihnya terdiri daripada tanah tinggi dan cerun bukit seluas 10,688 hektar akan dikekalkan mengikut bentuk muka bumi asalnya.

#### TDA CADANG PEMBINAAN JALAN

Di antara infrastruktur yang telah dicadangkan TDA ialah jalan sepanjang 45 kilometer yang akan menghubungkan semua kampung di pulau itu, pusat perniagaan bernilai RM6 juta di Kampung Tekek dan 200 unit rumah untuk penempatan semula penduduk yang tinggal di atas tanah rezab kerajaan dan sungai.

Kerajaan negeri juga sedang berusaha untuk mendapatkan peruntukan bagi membina jeti kargo di Kampung Tekek dan Tanjung Gemuk bagi memudahkan urusan pengangkutan kargo antara kedua-dua tempat itu.

Selain pendapat yang optimistik berhubung langkah menjadikan Tioman sebuah pulau bebas cukai, ada di kalangan penduduknya yang mengambil sikap berhati-hati terhadap cadangan itu dan masih kabur mengenai konsep yang hendak diperkenalkan itu.

Seorang pengusaha chalet Baharom Abdullah, 38, berkata, sebelum cadangan itu dilaksanakan, kerajaan negeri hendaklah memberi jaminan sebarang pembangunan ke atas pulau itu tidak akan mengabaikan aspek penjagaan alam sekitar dan sosial penduduknya.

Beliau mendakwa, sesetengah penduduk tidak mengetahui mengenai rancangan kerajaan itu, dan berpendapat sepatutnya merekalah yang perlu dimaklumkan terlebih dahulu agar tidak timbul kekeliruan.

"Mereka ingin tahu adakah cadangan itu akan memberikan faedah kepada mereka atau sekadar membuka peluang kepada pihak luar untuk mengaut keuntungan daripadanya," ujar beliau.

#### KEPENTINGAN PENDUDUK

Ketika mengulas rancangan itu, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob memberi jaminan setiap projek pembangunan yang akan dilaksanakan di situ akan mengambil kira kepentingan penduduk setempat serta pengekalan keindahan alam semulajadi yang menjadi daya tarikan utama para pelancong.

Selain menggesa penduduk Tioman agar sama-sama menjayakan usaha itu, beliau berharap mereka tidak mudah "gelap mata" dengan tawaran-tawaran menarik dari pihak luar yang tentunya kini mahu mendapatkan premis atau tanah di pulau berkenaan.

Harga tanah di pulau itu yang dahulunya hanya kira-kira RM150,000 bagi 0.4 hektar (1 ekar) kini boleh mencecah sehingga RM500,000.

Walaupun kerajaan telah membekukan sebarang transaksi tanah di pulau berkenaan sejak 1998, ada sesetengah penduduk dilaporkan telah menjual

tanah masing-masing kepada pihak tertentu tanpa menukar hak miliknya.

Mereka sewajarnya mencontohi Nazri Abdul Karim, seorang pengusaha chalet di Tioman. Walaupun memiliki kira-kira 30 ekar tanah di pulau berkenaan, beliau berjaya menyemai sikap cintakan tanah sendiri di kalangan anak-anaknya agar tidak terpengaruh dengan tawaran pembeli yang lumayan.

Salah seorang daripada anaknya, Mohd Sabri, 35, percaya sikap yang ditanamkan oleh bapanya itu adalah betul dan akan berusaha untuk mengekalkan semua tanah berkenaan dalam milikan keluarganya.

"Walaupun tawaran itu boleh menjadikan kita seorang jutawan, apakah ertinya jika kita kehilangan tanah warisan nenek moyang kita dan di manakah anak cucu kita hendak duduk pada masa depan," katanya. -- Bernama

HIS AM